

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI

TARIKH : 20 MAC 2016

RUJUKAN : 9651

SOALAN:

Datuk Mohd Idris Bin Jusi [Batu Pahat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Malaysia, negara asal mereka dan menjelaskan rancangan mengurus mereka dalam keadaan di mana membenarkan mereka kekal di Malaysia dan menghantar mereka pulang ke negara asal.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang telah ditangkap melalui operasi oleh JIM bagi tahun 2016 adalah seramai 49,496 orang. Pecahan mengikut warganegara adalah Indonesia seramai 15,923 orang, warganegara Bangladesh seramai 9,799 orang dan lain-lain warganegara seramai 23,774 orang.

Kerajaan telah melaksanakan Program Penggajian dan Penempatan Semula PATI (Program *Rehiring*) bermula pada 15 Februari 2016 bagi memberi peluang kepada pihak majikan untuk mendaftar dan menggaji PATI secara sah. Sehingga 20 Januari 2017, seramai 265,208 PATI telah berdaftar meliputi warganegara Bangladesh seramai 187,766 orang, warganegara Indonesia seramai 20,150 orang, warganegara Nepal seramai 11,876 orang dan 45,416 orang PATI adalah lain-lain warganegara. Seramai 61,412 orang majikan telah menyertai program tersebut.

Untuk makluman Yang Dipertua dan Yang Berhormat, Kerajaan juga melaksanakan Program PATI Serah Diri dan Pulang Secara Sukarela (Program 3 + 1) sejak tahun 2014 bagi menggalakkan PATI pulang ke negara asal secara sukarela. Bagi tahun 2016 seramai 180,228 orang PATI telah pulang ke negara asal melalui Program Serah Diri dan Pulang Secara Sukarela (Program 3 +1).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID BIN YUSOF

TARIKH : 20.3.2017

SOALAN : NO. 59

DATO' DR. MUJAHID BIN YUSOF [Parit Buntar] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan apakah polisi pengambilan pelajar-pelajar baru ke universiti awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengambilan pelajar baharu ke Universiti Awam adalah mengguna pakai prinsip meritokrasi iaitu 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah ko-kurikulum. Selain itu, pemohon juga mestilah memenuhi Syarat Am Universiti, Syarat Khas Program Pengajian dan kriteria kemasukan yang telah ditetapkan oleh Senat Universiti tertakluk kepada bilangan tempat yang mampu disediakan oleh pihak universiti.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

SOALAN : 60

TARIKH : 20 MAC 2016

Datuk Rozman Bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Malaysia Borneo perlu mengenal pasti cuma satu sahaja pelabuhan utama antarabangsa dan yang lain-lain adalah "feeder port" kepada pelabuhan utama untuk membolehkan adanya "economy of scale" agar ia berupaya mencapai taraf pelabuhan serantau dan antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan projek pembesaran Pelabuhan Kontena Teluk Sapangar dalam Rolling Plan pertama di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas yang diterajui oleh pihak Sabah Economic Development and Investment Authority (SEDIA). Pembesaran Pelabuhan Sepangar dijangka akan meningkatkan kapasiti pengendalian kontena dan kargo serta mempertingkatkan mutu perkhidmatan kepada kapal-kapal yang berlabuh di Pelabuhan Sepangar.

Berdasarkan perancangan pihak SEDIA, Pelabuhan Sepangar akan dijadikan sebagai sebuah hub logistik di mana pelabuhan-pelabuhan berhampiran yang lain akan menjadi *feeder* kepada Pelabuhan Sepangar. Strategi ini akan menumpukan kendalian kargo daripada pelabuhan-pelabuhan berdekatan ke Pelabuhan Sepangar bagi menjana *critical mass cargo* yang diperlukan untuk menarik minat syarikat perkapalan antarabangsa membuat panggilan ke Pelabuhan Sepangar.

Kerajaan berpandangan bahawa penaiktarafan Pelabuhan Sepangar ini bakal menjadikan Pelabuhan Sepangar sebagai *entry point* perdagangan bagi aktiviti import dan eksport di bawah inisiatif Brunei-Indonesia-Malaysia-Phillipines – East Asia Growth Area (BIMP-EAGA).